# Gejala awal serangan penyakit serius

*Dr Mawaddah* **menunjukkan jangkitan pada tonsil.**



[ MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN/ BH ]

> "PROSEDUR RAWATAN DENGAN MENGELUARKAN BATU PADA TONSIL DAN MEMBERSIHKAN KAWASAN TERBABIT DARIPADA BAKTERIA. SEKIRANYA LANGKAH INI TIDAK BERJAYA, PESAKIT PERLU MENJALANI PEMBEDAHAN MEMBUANG TONSIL ITU"
>
> **Dr Mawaddah Azman,**
> *Pakar Otorinolaringologi*



**Punca** awal masalah mulut berbau disebabkan jangkitan bakteria di kawasan gigi, gusi dan lidah.

Bakteria anerobik ini menghasilkan asid sulfur atau metana melalui proses dekomposisi (pereputan), punca nafas berbau.

Keadaan ini boleh dirawat seperti memberus gigi dan lidah dengan betul, gunakan benang pembersih gigi (floss) dan ubat berkumur menggunakan cecair antiseptik.

Sekiranya bau berkenaan masih ada pesakit perlu dirujuk kepada pakar telinga, hidung dan tekak atau otorinolaringologi.

**Gejala awal penyakit serius**

Pakar Otorinolaringologi, Dr Mawaddah Azman, berkata tanda disedari bahawa punca mulut berbau adalah petanda gejala penyakit lain yang lebih serius.

Beliau berkata, pemeriksaan fizikal dan endoskopi perlu dilakukan secara menyeluruh.

"Pakar juga boleh meneliti jika ada kesan benjolan di tengkuk atau perubahan suara iaitu gejala awal penyakit lebih serius seperti barah," katanya.

**Gangguan tonsil**

Mulut berbau juga kata Dr Mawaddah menandakan seseorang itu mengalami masalah batu di dalam tonsil (tonsilolith).

Beliau berkata, ini disebabkan jangkitan kuman secara berulang di sekeliling tonsil kerana bakteria membiak di kawasan berkenaan.

"Prosedur rawatan dengan mengeluarkan batu pada tonsil dan membersihkan kawasan terbabit daripada bakteria.

"Sekiranya langkah ini tidak berjaya, pesakit perlu menjalani pembedahan membuang tonsil itu," kata Dr Mawaddah.

Faktor lain kata beliau, termasuk kesan Refluk Peti Suara, terdapat pengeluaran asid berlebihan dalam perut naik ke peti suara.

Apabila asid sampai ke peti suara boleh menyebabkan perubahan fizikal kepada peti suara dan mulut atau nafas yang berbau busuk.

Pengeluaran asid berlebihan ini juga berpunca daripada pengambilan makanan yang ?mengandungi kandungan asid yang tinggi, masam dan pedas.

**Kahak banyak berkumpul**

Dr Mawaddah berkata, selain mulut berbau, pesakit turut mengalami masalah lain seperti kahak yang banyak pada tekak dan sentiasa berdehem untuk mengeluarkannya.

Pesakit katanya, mengalami kesan sakit pada tekak apabila bercakap berterusan dalam tempoh lama.

Rawatan boleh dijalankan menerusi kaedah mudah iaitu menukar gaya hidup serta pengambilan ubat-ubatan.

Penyakit refluks peti suara boleh dikawal dengan beberapa cara iaitu dengan mengurangkan berat badan atau obesiti.

"Apabila seseorang itu gemuk, lemak pada perut memberi tekanan kepada saluran makanan (gaster) menyebabkan asid penghadaman tertolak ke atas.

"Pesakit gastrik perlu mengubah corak pemakanan amal sajian lebih sihat bagi mengelakkan kesan refluks lebih buruk," katanya.

**Elakkan makanan pedas, masam**

Minuman mengandungi kafein seperti kopi atau punca injap di dalam salur pemakanan berada di dalam keadaan lebih anjal dan memudahkan asid naik ke atas peti suara, punca nafas berbau.

Pesakit refluks peti suara dinasihatkan tidak makan banyak pada satu masa kerana boleh memburukkan keadaan.

Minuman berkarbonat dan makanan mengandungi asam, pedas, penambah perisa dan pengawet menyebabkan pengeluaran asid berlebihan.

**INFO**

**Punca nafas berbau**

**Mulut - 90 peratus**
- Karies gigi
- Periodontitis
- Gigi palsu
- Ulser
- Kanser mulut

**Hidung dan Tekak** - 8 peratus
- Tonsilitis
- Tonsilolith
- Refluks peti suara
- Sinusitis
- Kanser

**Salur pemakanan** - 1 peratus
- Refluks esofagus,
- Hernia hiatal

**Masalah sistemik** - 1 peratus
- Kegagalan buah pinggang,
- Kencing manis